

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

17. Atlet yang mewakili Negeri Pulau Pinang atau negara sering mengalami nasib pengangguran selepas mereka bersara dari arena sukan.
- (a) Adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mereka selepas bersara?
 - (b) Nyatakan jumlah bekas atlet yang sekarang berkhidmat dengan agensi pembangunan sukan negeri seperti Majlis Sukan Negeri atau sebagainya.

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. (a) Bagi atlet-atlet yang telah melepassi umur kelayakan ke Sukan Malaysia iaitu usia melebihi 21 tahun dan ke atas (bersara sebagai atlet negeri) dan sekiranya tidak terpilih untuk mewakili negara ke kejohanan peringkat antarabangsa, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah melaksanakan pelbagai laluan alternatif kepada bekas-bekas atlet ini untuk pembangunan dalam bidang pendidikan atau kerjaya. Antaranya adalah seperti berikut:
- (i) MSNPP dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) telah memperkenalkan "Program Alternatif Kemasukan Warga Sukan ke USM" kepada semua atlet negeri yang mempunyai pencapaian yang cemerlang

dalam bidang sukan dan pendidikan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah;

- (ii) Bagi atlet yang berminat untuk meneruskan kerjayanya dalam industri sukan, MSNPP juga menawarkan peluang pekerjaan kepada atlet-atlet ini untuk berkhidmat di MSNPP sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat pelantikan dan berdasarkan kekosongan jawatan sedia ada. Peluang pekerjaan ini termasuk Jurulatih Penuh Masa, Jurulatih Sambilan, Pegawai Belia dan Sukan, Penyelaras Sukan, Pegawai Majlis Sukan Daerah dan sebagainya;
- (iii) Bagi melengkapkan atlet-atlet dengan kemahiran dalam bidang kejurulatihan, MSNPP dengan kerjasama Majlis Sukan Negara Malaysia turut menganjurkan kursus-kursus Sains Sukan seperti Sijil Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1, Tahap 2, dan Tahap 3 bagi meningkatkan pengetahuan atlet dalam bidang kejurulatihan;
- (iv) Manakala bagi atlet-atlet yang pernah menjadi atlet kebangsaan, mereka disaran untuk melibatkan diri dengan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) yang ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal kebajikan bekas atlet. Antara manfaat yang dapat diperolehi adalah pembangunan dalam pendidikan dan kerjaya, pewujudan peluang pembangunan keusahawanan, bantuan kebajikan dan juga perkhidmatan bimbingan dan kaunseling; dan
- (v) MSNPP juga bekerjasama dengan Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menghantar atlet-atlet yang berpotensi untuk diserap ke jawatan sebagai anggota tentera atau polis dan dapat mewakili agensi tersebut di kejohanan sukan peringkat kebangsaan.

b) Sejumlah 130 orang bekas atlet negeri/negara yang dilantik untuk berkhidmat di MSNPP seperti berikut:

Bil	Jawatan	Bilangan / orang
1	Jurulatih Sepenuh Masa	32
2	Jurulatih Pembangunan	18
3	Jurulatih Sambilan	48
4	Jurulatih Daerah	28
5	Pentadbiran MSNPP	4
JUMLAH		130